

ULASAN BUKU



ABDUL LATIP TALIB
Recep Tayyip Erdogan
Negeri Sembilan: Latip dan Keluarga Enterprise,
2019.
ISBN: 9789671524329

ULASAN

Perjuangan Recep Tayyip Erdogan untuk memimpin Turki menjadi sebuah negara Islam telah membawa hasil dan beliau telah memegang jawatan sebagai Presiden Turki yang ke-13 pada 28 Ogos 2014. Namun, bukanlah mudah bagi Erdogan untuk berada di tahap ini jika tidak menempuh pelbagai onak duri politik Turki yang masih diwarisi oleh parti yang diasaskan Mustafa Kamal Atatürk yang berteraskan sistem sekular.

Buku berjudul Recep Tayyip Erdogan: Reformis Politik Turki karangan Abdul Latip Talib ini benar-benar menggambarkan sejarah lahirnya seorang pemimpin Turki yang berasaskan Islam. Buku ini berkisarkan perjalanan hidup Erdogan sejak lahir sehingga bersekolah dan seterusnya bagaimana beliau menceburi bidang politik. Semangat yang dibawa oleh bapanya, Ahmed Erdogan yang berminat dengan

perkembangan politik Turki pada masa itu telah membawa beliau sejak dari kecil untuk mengetahui sejarah Turki melalui dari bahan bacaan dan juga penceritaan daripada bapanya sendiri.

Penulis menyampaikan kisah Recep Tayyip Erdogan ini dalam bentuk sebuah novel dengan pelbagai senario di sekeliling kehidupan Erdogan. Melalui penceritaan seperti ini, pembaca dapat memahami kisah ini dengan senang dan mudah. Bahasa yang digunakan juga adalah ringkas dan santai. Nama-nama parti politik, tarikh dan peristiwa penting telah dinyatakan dengan tersusun untuk memudahkan pembaca memahami dengan jelas.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah kisah perjalanan Recep Tayyip Erdogan dilantik sebagai Presiden Turki. Pelbagai kejadian hitam yang telah berlaku seperti demonstrasi besar-besaran 300,000 orang penunjuk perasaan, pembelotan pihak atasan tentera Turki, perhimpunan besar-besaran seramai 1,370,000 orang kerana tidak setuju Turki diubah kepada negara Islam daripada negara sekular. Kisah rampasan kuasa yang diketuai bekas Panglima Angkatan Tentera Udara adalah paling tragik apabila melibatkan pertumpahan darah dalam kalangan rakyat Turki.

Buku ini amat menarik kerana ia merupakan kisah penceritaan Recep Tayyip Erdogan sejak lahir sehingga berjaya menjadi pemerintah Turki. Pembaca boleh membayangkan karakter positif dimiliki beliau sejak dari kecil. Oleh sebab itulah, beliau layak dan berwibawa untuk memegang jawatan sebagai Presiden Turki. Beliau juga merupakan anak yang patuh dan taat kepada kedua ibu bapanya. Melalui peribadinya itulah telah menjadikan beliau seorang ketua yang adil dan bertimbang rasa.

Secara keseluruhannya, buku ini mengisarkan tentang corak politik di Turki sekitar tahun 1950 hingga 2017. Pembaca boleh membayangkan betapa sukarnya keadaan Turki pada tempoh waktu itu kerana parti-parti politik saling merebut kerusi jawatan bagi mengekalkan sistem sekular yang diamalkan oleh pemerintah dahulu. Sudah

tentulah, mereka tidak ingin Recep Tayyip Erdoğan mengambil alih tumpuk pemerintahan kerana beliau mahu mengamalkan sistem Islamik. Walaupun begitu, amat menakjubkan apabila majoriti rakyat Turki tetap memilih Parti Keadilan dan Pembangunan walaupun banyak parti-parti sekular yang konservatif menguasai politik Turki.

Erdoğan tidak dibenarkan memimpin kerajaan disebabkan hukuman penjara, namun Abdullah Gül sebagai Perdana Menteri Turki yang ke-11 dilihat berupaya memimpin kerajaan. Pembaca boleh merasakan terdapat pergolakan politik yang tidak stabil apabila kisah pilihan raya sering timbul. Hal ini kerana banyak tangan yang masuk campur dan menyebabkan parti sokongan Erdoğan terpaksa melalui proses pilihan raya tersebut demi sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara Turki.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati hal politik supaya menyelusuri buku ini terutamanya politik Turki yang pernah mencatat sejarah dunia semasa empayar agung Turki Uthmaniyah. Buku ini dimudahkan dengan penceritaan supaya pembaca mudah memahami selok belok hal politik Turki yang rencam. Walaupun subjeknya berat tapi ia sesuai dibaca oleh pelajar sekolah dan umum.

Pengulas:

Noor Hazwani binti Warrmal

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MUSTAFAR A.R.
**50 Tahun Filem Malaysia & Singapura
(1930 – 1980)**
Ampang, Selangor: Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd., 2019.
ISBN: 9789674380564

ULASAN

Penulisan buku berkaitan sejarah filem Malaysia dan Singapura yang dahulunya dikenali Malaya bukan sesuatu perkara yang baharu. Penerbitan sesuatu karya sebegini seharusnya mempunyai intipati fakta yang tepat dan neutral dengan menitikberatkan sejarah penghasilan sesuatu filem serta kehidupan para pelakon filem.

Berinspirasikan idea daripada Allahyarham Aziz Satar yang berpendapat penggiat filem Malaysia memerlukan buku fakta yang boleh dirujuk. Penulis Mustafar A.R. turut berpendapat buku-buku filem yang berada di pasaran tidak mengandungi fakta yang tepat berkaitan sejarah industri perfileman ketika ini sama ada dari segi kesilapan cetakan judul filem, fakta berkaitan asal-usul pengarah filem dan penggunaan ejaan baharu judul filem. Oleh yang demikian, penulis berharap kesahihan buku ini dapat dijadikan rujukan sejarah industri perfileman kepada pengiat-pengiat filem negara.

Buku berhalaman 159 muka surat ini mengandungi 30 bab yang menerangkan tentang sejarah permulaan industri perfileman negara, kisah di sebalik tabir filem yang pernah diterbitkan mengikut kronologi tahun bermula terbitan filem *Laila Majnun* pada tahun 1930 sehingga terbitan filem-filem lain keluaran Malaysia dan Singapura. Buku ini menerangkan sedikit sebanyak tentang pelbagai cabaran dan kesukaran yang dihadapi dalam menjayakan sesuatu filem pada ketika itu. *Laila Majnun* atau judul asalnya *Leila Majnun* merupakan terbitan filem yang berasal dari India telah diterbitkan sebanyak empat (4) versi di India dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh penonton ketika itu yang meminati genre filem kisah tragis ala-ala *Romeo & Juliet* karya William Shakespeare. *Laila Majnun* (1934) merupakan filem bahasa Melayu yang pertama diterbitkan pada 27 Mac 1934 yang dibintangi oleh Fatimah Benti Jasma, Suki Ben Noordin dan beberapa pelakon terkenal pada ketika itu. Namun menurut penulis, status filem tersebut tidak dapat dikesan dan penulis tidak dapat mengulas lebih lanjut perbezaan filem tersebut dengan filem *Laila Majnun* (1964) lakonan Noordin Ahmad dan Latifah Omar. Walau bagaimanapun, filem ini telah diiktiraf dalam sejarah sebagai filem dalam bahasa Melayu yang pertama di Malaya dan Singapura.

Filem *Mutiara* (1940) pula merupakan filem berbahasa Melayu pertama terbitan Shaw Brothers di Singapura juga mendapat sambutan hangat pada ketika itu. Namun status filem ini juga tidak dapat dikesan seperti filem *Laila Majnun*. Penulis sendiri tidak pernah menonton filem ini dan menyebabkan beliau sukar untuk membuat ulasan tentang filem tersebut. Menurut penulis, terdapat dua (2) ulasan dari akhbar *The Straits Times* (22 Julai 1940) dan *Warta Jenaka* (1 Ogos 1940) yang mempunyai perbezaan pendapat tentang filem *Mutiara* di mana akhbar berbahasa Inggeris itu memberi ulasan positif tentang aspek persempahan dan kualiti filem manakala *Warta Jenaka* pula memberi ulasan negatif kerana adat resam orang Melayu tidak dititikberatkan. Menurut penulis, kebanyakan filem yang diterbitkan sebelum tahun 1950-an didapati sudah tiada dalam simpanan atau “hilang” dan ini menyebabkan penulis tidak dapat memberi ulasan berpandukan pada filem tersebut tetapi hanya berpandukan ulasan akhbar yang telah lama disimpan. Salah satu filem yang dianggap sebagai filem yang sukar diperoleh adalah filem *Roh Membela*

(1955) yang merupakan filem gabungan sains fiksyen dan alam ghaib pertama diterbitkan di Malaysia namun tidak pernah dipasarkan oleh syarikat Musik Valley walaupun memiliki hakcipta (*copyright*).

Penulis juga mengulas tentang filem *Pontianak* (1957) terbitan Cathay-Keris Film (Singapura). Filem yang mendapat sambutan luar biasa ini, pertama kali ditayangkan pada 27 April 1957 di pawagam Cathay, Singapura dibintangi oleh pelakon-pelakon hebat seperti Maria Menado, M. Amin, Mustafa Ma'roff dan ramai lagi telah memberi impak yang besar kepada industri perfileman negara pada ketika itu. Filem ini juga telah dialihsuara ke bahasa Kantonis untuk tayangan di Hong Kong dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Filem tersebut juga mempunyai sekuel iaitu; *Dendam Pontianak* dan *Sumpah Pontianak* dengan watak yang sama. Walau bagaimanapun, menurut temubual penulis bersama Maria Menado filem tersebut dipercaya telah dibuang ke lombong tinggalan di Kuala Lumpur kerana kekangan ruang penyimpanan yang sesuai. Selain filem terbitan dari Shaw Brothers dan Cathay-Keris Film (Singapura), penulis juga ada menerangkan berkenaan filem yang diterbitkan oleh Merdeka Filem Studio (Kuala Lumpur). Filem *Lain Jalan Ka-Shorga* lakonan Rosnani, Noran Nordin arahan Jamil Sulong yang mempunyai jalan cerita yang ringkas dan mudah diramal menjadikan ia sebagai filem yang agak sederhana. Walaubagaimanapun, terdapat pengajaran dan teladan yang boleh diambil melalui filem tersebut.

Beliau juga menerangkan secara ringkas bahawa hanya 11 filem sahaja yang diterbitkan oleh Nusantara Film Company pada tahun 1951 kerana masalah pawagam dan sekatan mengeksport filem-filem ke Indonesia. Menurut beliau, selain syarikat yang dinyatakan di atas, terdapat filem yang diterbitkan oleh studio yang tidak bersistem tetapi rata-rata kebanyakan filem tersebut kurang mendapat sambutan. Beliau juga menerangkan bahawa pelakon Malaysia dan Singapura yang membintangi filem-filem luar negara seperti Maria Menado telah membintangi filem terbitan Bollywood, “*SINGAPORE*” (1960) di samping Shammi Kapoor dan lokasi pengambaran dilakukan di sekitar Singapura. Selain itu, penulis juga menyenaraikan nama pelakon-pelakon tempatan lain yang pernah membintangi filem-filem luar

negara mengikut kronologi tahun terbitan.

Secara kesimpulannya, Mustafar A.R. menceritakan bukan sekadar tentang sejarah industri filem negara tetapi juga pengalaman dan minat mendalam beliau yang mencetuskan inspirasinya untuk mengkaji tentang sejarah perfileman negara agar sahih dan tepat. Pada pendapat saya, walaupun dari segi gaya pengolahan ayat dan penggunaan tatabahasa yang agak biasa (layman) tetapi dengan terbitnya buku ini, industri perfileman negara dapat berkembang pesat dan zaman kegemilangan filem tempatan dapat dikembalikan serta pelopor-pelopor filem negara yang telah berjasa mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan buku ini sesuai dijadikan rujukan sama ada oleh pengiat seni mahupun pengemar seni perfileman negara.

Pengulas:

Akmal Fardhiana Binti Muhamad
Penolong Pustakawan
Bahagian Pinjaman

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



BONDA NOR

Seadanya Kuterima

Petaling Jaya, Selangor : Galeri Ilmu Sdn. Bhd.,
2019.

ISBN: 9789830978321

ULASAN

Antologi *Seadanya Kuterima* adalah bingkisan perkongsian yang telah dinukilkan oleh para peserta Seminar Penulisan Mega Bonda Nor untuk projek antologi mega Siri Muhasabah Hati iaitu Bercakap Dengan Cermin. Bonda Nor selaku penyelaras untuk projek mega ini, beliau juga aktif menganjurkan seminar Teknik Mudah Mengajar Membaca dan memenuhi undangan untuk seminar motivasi dan penulisan di seluruh negara. Naskhah ini setebal 208 halaman berharga RM20.00 di pasaran.

Di dalam antologi ini terdapat 25 buah cerita pendek yang memaparkan tentang pengalaman kehidupan kisah benar penulis. Karya yang dihasilkan sangat berkualiti sehingga pengulas merasai dan dapat menjiwai semua kisah benar penulis. Bahasa yang digunakan santai, penceritaan yang lancar dan ada moral yang boleh dipelajari.

Pengulas merasakan buku ini seperti ubat yang menyuntik motivasi diri

pengulas kerana kesemua kisah ini memfokuskan kepada usaha dalam memperbaiki diri untuk menjadi insan yang lebih baik. Penulis menekankan tentang ujian Allah SWT kepada manusia. Setiap dari kita yang diuji oleh Allah SWT perlu bersangka baik kerana di sebalik ujian itu akan ada hikmahnya yang tersembunyi. Penulis turut menekankan konsep ujian dan takdir Allah SWT di dalam penulisannya, malahan setiap ujian yang diberikan akan mendekatkan lagi diri kita kepada Allah SWT.

Di dalam antologi ini, penulis telah menghimpunkan karya ramai penulis dalam sebuah buku berdasarkan pengalaman benar penulis antologi yang lebih kepada masalah duniawi seperti mempunyai seorang ketua yang ego kepada anak buah, seorang ibu yang bersifat pemarah dengan anak-anak, anak yang tidak berpuas hati dengan apa yang tidak dimiliki, seorang ibu yang kematian anak semasa kelahiran dan juga pekerja yang tidak berpuas hati dengan ketuanya. Banyak hikmah yang akan diperoleh daripada kisah di dalam buku ini kerana dalam perjalanan hidup Allah SWT akan hadirkan seseorang untuk menjentik hati kita atau menjadi perantara untuk lebih mengingati Allah SWT. Betapa pentingnya teguran Allah SWT dalam bentuk musibah atau sentapan rasa yang mampu menjana sedikit proses muhasabah.

Buku ini banyak menyedarkan pengulas di kala merasakan sudah terlalu besar ujian Allah SWT beri kepada kita rupanya ada lagi orang lain yang lebih besar dan hebatnya ujian yang diterima. Penulis berjaya menarik emosi pengulas untuk sentiasa bersyukur dan redha dengan apa yang telah ditakdirkan untuk kita. Setiap kisah yang terdapat dalam buku ini di dalamnya diselitkan juga tentang sifat keredhaan.

Apa yang dapat disimpulkan setelah membaca buku ini, pengulas lebih memahami bahawa yang teruji itu bukan cuma kita sahaja tetapi semua orang akan diuji. Tiada yang terlepas malahan ada yang lebih dahsyat ujian yang Tuhan berikan. Sesungguhnya syurga itu bukan percuma. Ada yang diuji dengan rumah terbakar, anak kecil meninggal, suami kemalangan jalan raya,

dicerai tanpa sebab dan pelbagai lagi dugaan yang menimpa. Tetapi mereka tabah, hebat dan kuat. Semua ini akan dapat diatasi dengan sabar, doa dan tawakal kepada Allah SWT dan tidak lupa kita juga perlu mendidik hati ini agar bersangka baik sesama manusia.

Pengulas:

Ku Anis Binti Ku Mat
Penolong Pustakawan
Penyelia Zon 5 Perlis
Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NUR MUNIRAH OTHMAN
**Kemboja, Pertama Tuhan
Kedua, Masyarakat**

Batu Caves, Selangor: Nur Munirah Othman
2017.

ISBN: 9789671494011

ULASAN

Kemboja, Pertama Tuhan Kedua Masyarakat merupakan sebuah buku travelog yang berdasarkan pengalaman penulis, Nur Munirah Othman atau lebih suka dikenali sebagai NMO. Penulis telah berjaya menterjemahkan pengalaman beliau selama sebulan di bumi Kemboja dalam bentuk penulisan yang padat dan mengasyikkan. Penulis adalah merupakan graduan Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian dan mengharapkan penulisannya ini akan menjadi inspirasi kepada jururawat yang lain.

Kemboja, nama yang datangnya daripada perkataan Kampuchea telah mengetuk pintu hati penulis untuk berkelana selama 30 hari dan bagi mengenali apakah itu kegembiraan di sebalik kemiskinan yang melanda manusia di bumi Kemboja. Pemilihan tempat juga diaturkan setelah mencipta peluang bertemu dengan sahabat satu universiti merangkap pengasas kepada Hospital Beyond Boundaries (HBB), Dr. Lutfi Fadhil. Hospital Beyond Boundries (HBB) adalah hospital pertama yang dibina khas oleh Pemuda Malaysia di kawasan yang mempunyai anggaran 30,000

penduduk sekitar Phnom Penh, Kemboja

Buku ini memberi pendedahan kepada pembaca yang ingin mengenali Kemboja dengan lebih dekat lagi, penulis telah memberi sedikit gambaran mengenai sejarah Kemboja. Penulis menceritakan pengalaman beliau ke *Tual Sleng Gencide Museum Royal*. Ini merupakan muzium yang memaparkan kekejaman parti komunis yang bertindak untuk menghapuskan generasi masyarakat kemboja yang digelar sebagai *Demokratik Kampuchea*. Pemberontakan parti komunis yang digelar *Khmer Rouge Regime* ini diketuai oleh *Pol Pot*. Kekejaman yang telah dilakukan oleh pihak Komunis sewaktu pemerintahan *Khmer Rouge (KR) Regim* kepada masyarakat Kemboja sekitar 1975 telah menjadikan masyarakat ini mundur dari segi pembangunan. Kini, mereka perlu bangkit semula dan membangun dengan bantuan dari negara-negara lain. Di Kemboja hanya ada sebuah bangunan tinggi sahaja selainnya hanya deretan kedai-kedai kecil yang melingkari bandar. Masjid-masjid yang dibina juga merupakan hasil ihsan dan sumbangan daripada negara jiran. Malaysia juga tidak terkecuali dalam menyumbangkan ihsan melalui pembinaan masjid, pusat membeli belah AEON Mall, stesen minyak, bank dan asrama muslim.

Penulis lebih memfokuskan penceritaannya mengenai aktiviti harian beliau selama 30 hari di HBB yang membawa perkenalan beliau dengan petugas di HBB yang merupakan seorang rakyat kemboja. Berdasarkan melalui penceritaannya, pembaca akan lebih memahami fungsi dan peranan HBB. Sebelum ini, masyarakat Kemboja sudah terkenal dengan tradisi yang lebih menyukai ubat-ubat di farmasi berbanding di klinik atau hospital. Kehadiran HBB di perkampungan Muslim ini sekurang-kurangnya membolehkan masyarakat belajar untuk lebih mengenali dan mengamalkan penjagaan kesihatan yang baik. Tambahan pula HBB bukan sekadar klinik semata-mata, ia menyediakan perkhidmatan percuma untuk masyarakat yang mempunyai taraf miskin tegar. Kemboja dipilih sebagai lokasi pertama pembinaan HBB ini adalah kerana Kemboja adalah sebuah negara yang tidak mengamalkan undang-undang dan sangat memerlukan bantuan untuk membangun.

Hari pertama sehingga hari ketiga di sana, penulis bersama-sama rombongan HBB

diketuai Dr. Lutfi dan Dr. Hannan dibawa mengenali persekitaran kawasan klinik yang berada di salah sebuah perkampungan minoriti Muslim beretnik Cham iaitu di KM9, Chrang Chamres. Lokasi klinik ini sangat strategik kerana kewujudannya telah memudahkan masyarakat untuk akses kepada kesihatan secara menyeluruh.

Hari ketiga penulis mula bergerak secara solo kerana rombongan HBB yang lain sudah pulang ke Malaysia. Walau bagaimanapun, penulis ditemani seorang staf HBB iaitu Man Patry yang bekerja sebagai akauntan. Beliau banyak menemani dan membantu proses komunikasi dan meneroka sekitar tempat di Phnom Penh. Kesempatan yang ada ini digunakan oleh penulis untuk melakukan pemerhatian dan mengkaji serba sedikit masalah yang sedang melanda masyarakat ini.

Penulis mendapat tajaan tempat tinggal di sebuah asrama Muslim yang dikenali sebagai Institut Darul Syabab (IDS). Penulis tinggal di asrama bersama 12 orang pelajar wanita yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun. Perkenalan dengan Man Patry dan keluarganya membawa kepada idea untuk menjalankan projek diberi nama #ProjekRM10PoorpeopleofCambodia untuk mengumpul dana dan memberi makan kepada 50 orang miskin di sekitar perkampungan Preksondai, wilayah Kratie, Kemboja.


Pada pendapat pengulas, #Projek10PoorpeopleofCambodia merupakan kemuncak misi pengembalaan solo penulis. Jelas di sini betapa penulis bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawabnya menunaikan amanah untuk membantu muslim di Kemboja. Mungkin projek ini tidak sebesar projek amal yang lain namun impaknya amat besar di hati penduduk di sana.

Pengulas mengesyorkan buku ini kepada pembaca yang berminat mengenai bahan bacaan berbentuk travelog atau pun yang mencari-cari informasi mengenai Kemboja. Tambahan pula buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur. Kisah travelog ke bumi Kemboja ini juga membawa kita berfikir sekiranya kita betul-betul mempunyai niat yang ikhlas untuk melakukan sesuatu yang baik, pastinya rezeki akan datang tanpa kita sedar.

Pengulas:

Noor Sinasuriatie Binti Muhamad Alwi
Penolong Pustakawan S29
Penyelia Zon A9, PD PNM Negeri Perak

ULASAN BUKU



DR. DANIAL ZAINAL ABIDIN
Menjadi Ulul Albab: Generasi Genius Bertaqwa
Batu Caves, Selangor: Publishing House Sdn. Bhd.,
2015.
ISBN: 9789674110055

ULASAN

Generasi genius adalah golongan manusia yang sangat pintar. Ulul Albab adalah mereka yang mempunyai akal yang sempurna dan bersih. Dalam Kamus Dewan, akal ialah budi dan fikiran. Minda ialah akal fikiran dan daya berfikir. Akal yang sempurna adalah cara berfikir dan menilai sesuatu perkara adalah betul berpandukan kepada agama. Al-Quran dan Sunnah adalah pelan induk bagi seseorang muslim dalam harga diri dan kemuliaan bagi mengukuhkan akidah seseorang muslim.

Buku berjudul *Menjadi Ulul Albab Generasi Genius Bertaqwa* hasil karangan Dr. Danial Abidin bertepatan dengan judul ini. Buku ini menerangkan langkah demi langkah dengan jelas untuk menjadi insan generasi genius yang berfikir secara positif dan berpandukan Al-Quran. Allah SWT memuji golongan Ulul Albab kerana mereka suka melakukan perkara yang betul dan berlandaskan Al-Quran dengan berzikir dan berfikir positif. Otak memainkan peranan penting untuk manusia berfikir

dan dapat membezakan kebaikan serta keburukan. Zikir yang khusus yang dilakukan dengan penuh ikhlas mampu mendatangkan ketenangan dalam hati dan menstabilkan emosi iaitu disiplin diri dan empati. Manusia yang rajin berzikir dan tidak mengabaikan solat serta mendekatkan diri kepada Allah dan mengerjakan segala suruhanNya adalah ciri-ciri Ulul Albab.

Penulis menyampaikan hasil tulisan dalam bentuk ilmiah yang ringkas dan padat. Oleh sebab itu, pembaca dapat lebih memahami dan faham setiap perkara yang disampaikan. Bahasa yang digunakan sederhana dan senang difahami tanpa menggunakan ayat kiasan. Penulis juga memberi kisah-kisah yang berkaitan judul buku ini bagi memberi gambaran yang jelas. Selain itu penulis juga menerangkan dalam bentuk fakta sains yang mudah.

Antara kisah-kisah yang menarik minat pembaca adalah kisah Ashabul Kahfi. Ashabul Kahfi bermaksud penghuni-penghuni gua. Ashabul Kahfi adalah anak-anak muda yang berfikir dan menyedari bahawa patung-patung berhala yang disembah oleh masyarakat mereka bukan tuhan. Mereka menerangkan bahawa tuhan yang perlu disembah adalah tuhan yang mencipta langit dan bumi. Mereka melarikan diri dan bersembunyi di sebuah gua kerana raja mengeluarkan arahan menangkap mereka. Allah SWT menyelamatkan mereka dan membuatkan mereka tidur nyenyak dalam gua selama 300 tahun. Kisah ini memberi tauladan bahawa kita perlu berfikir untuk mencari kebenaran dan tidak menjadi orang suruhan tanpa usul periksa.

Selain kisah Ashabul Kahfi, terdapat juga kisah para nabi seperti kisah ahli sihir yang bertanding dan menunjuk kehebatan di hadapan Nabi Musa AS Firaun berharap ahli sihir berjaya mengalahkan sihir Nabi Musa AS. Akhirnya Nabi Musa AS dengan kebesaran Allah SWT melontarkan tongkat menjadi seekor ular yang besar. Ahli sihir menyedari apa yang ditunjukkan oleh Nabi adalah bukan sihir. Kesan pemikiran dan renungan ini menyebabkan para sihir Firaun akhirnya sujud ke bumi dan beriman kepada Allah SWT.

Penulis menggambarkan ilmu yang dituntut adalah obor yang menyuluhi cahaya.

Justeru itu, untuk berjaya manusia perlu menguasai ilmu. Ilmu yang paling penting adalah ilmu agama berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Manusia dapat mengenal Tuhan melalui ilmu dan mengetahui tujuan serta wawasan. Kita perlu menjauhi perkara yang boleh merosakkan akal fikiran seperti najis dadah, alkohol, rokok, telefon dan televisyen yang mengasyikkan akan membantutkan perkembangan serta memberi kesan negatif kepada otak. Makanan ringan dan makanan segera seperti keropok dan jeruk boleh memudaratkan otak dan kesihatan kerana mengandungi bahan-bahan kimia yang dikenali sebagai perisa, pewarna dan pengawetan makanan.

Terdapat beberapa perkara yang dapat dilakukan bagi memelihara kesihatan otak dan akal. Antaranya ialah beribadah dan berzikir, mengutamakan jenis pemakanan yang halal dan berkhasiat seperti madu dan buah kurma. Selain itu, bersenam dapat mengekalkan kesihatan tubuh badan dan merangsang pertumbuhan dan perkembangan sel-sel otak. Membaca dan bermain permainan seperti catur juga dapat mengasah otak untuk berfikir dengan pantas.

Kesimpulannya pengulas mengesyorkan buku ini dibaca kerana ia mampu memberi impak yang besar dalam diri pembaca yang ingin mencari keredhaan Allah SWT. Buku ini padat dengan maklumat bagi pembaca yang ingin menjadi cemerlang dalam menggunakan akal dan minda secara lebih berkesan. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaian yang ringkas dan mudah.

Pengulas:

Zaiintan Muhaiza Binti Zainuddin
Penolong Pustakawan S29
Penyelia Zon 4, PD PNM Negeri Pahang

ULASAN BUKU



BONDA NOR

Bangkit: Pujuklah Hati 4

Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2018.
ISBN: 9789830976334

ULASAN

Buku berjudul *Bangkit: Pujuklah Hati 4* ini benar-benar bertepatan dengan judul yang diberikan. Ia padat dengan kisah harian yang berlaku di sekeliling kita. Kadang kala apa yang berlaku, kita merasakan begitu tertekan tanpa menyedari pasti ada hikmah di sebalik setiap ujian itu. Naskhah ini berkisar tentang pelbagai ujian yang dihadapi oleh masyarakat sekeliling dan pengalaman Bonda Nor sendiri. Mereka perlu bangkit untuk perjuangkan hidup mereka. Bila kita berhadapan dengan ujian dan masalah, ramai yang terlupa pada hakikat segala ujian ini datangnya daripada Allah SWT. Mereka perlu kembali kepada fitrahnya. Jangan sesekali mudah rebah dan mengalah serta perlu bangkit untuk meneruskan kehidupan.

Penulis menyampaikan kisah ini dalam bentuk penceritaan membuatkan kita seperti seolah-olah berada di dalam situasi tersebut. Buku ini mengandungi 52 tajuk kecil yang mana setiap bab dan ruangan buku ini, penulis cuba mendorong pembaca untuk mengubah diri pembaca untuk menjadi seseorang individu yang lebih baik

daripada sebelumnya. Seterusnya untuk menjadi individu yang lebih positif.

Gaya bahasa yang digunakan dan corak penyampaiannya sangat santai serta terkesan kepada diri pembaca. Tidak menggunakan bahasa yang terlalu gramatis dan melankolik. Buku ini ditulis dengan mengutip anekdot dalam kehidupan penulis yang boleh dijadikan teladan dan sempadan kepada kita sebagai pembaca. Kisah yang ditulis juga tidak jauh dan asing daripada kehidupan kita. Malah kita sebagai ibu bapa, buku ini boleh dijadikan panduan untuk membesarkan anak-anak khususnya dalam situasi pada zaman sakarang.

Kebanyakan topik yang digarap oleh penulis boleh menarik minat pembaca kerana topik yang diutarakan adalah mengenai kehidupan masyarakat sekeliling. Antaranya adalah tentang perjalanan penulis mendapat hidayah. Walaupun penulis diberi pendidikan agama yang secukupnya, ia bukanlah kayu pengukur bagi setiap insan untuk menjadi insan yang sempurna dan taat kepada suruhanNya. Antara topik lain yang ada di dalam buku ini, ia juga membawa pembaca merenung mengenai hakikat kesusahan dan keperitan dalam kita mengharungi kehidupan masa kini yang kian mencabar. Hanya dengan kesusahan inilah, maka hidup kita mempunyai makna dan kesusahan itu jugalah yang akan menjadi daya gerak untuk kita lebih maju ke hadapan. Kesusahan jika kita lihat dari persepsi berbeza, mampu memberi impak yang berlainan dalam kehidupan seharian. Jadi ia berbalik kepada cara kita memandang sesuatu samada secara positif atau sebaliknya.

Dari segi penyampaian dan penekanan idea, penulis menggunakan gaya penulisan bercorak deskriptif dengan menyelitkan ayat-ayat penulis berkomunikasi dengan anak. Selain itu juga, terdapat petikan ayat dan surah di dalam Al-Quran bagi menyokong idea yang diberikan. Illustrasi di dalam buku ini juga sesuai yang boleh menarik minat pembaca.

Naskhah setebal 187 halaman ini mudah dihadam kerana cara penyampaiannya bersahaja dan ringan, sesuai dengan judul dan konsepnya untuk memotivasi seseorang secara berhikmah. Buku ini sesuai dengan semua lapisan masyarakat yang

gemarkan naskhah berbentuk ilmiah tetapi tidak berat terutamanya bagi ibu bapa.


Mungkin buku ini akan dapat membuka beberapa aspek sudut pandang tentang kehidupan manusia. Buku ini memberi motivasi dan panduan dalam menangani masalah yang dihadapi dengan membuatkan kita melihat hikmah di sebalik setiap ujian. Dalam masa yang sama membuatkan kita yakin dengan kebergantungan kita hanya kepada Allah SWT. Sesiapa yang dahagakan kejayaan, inspirasi, kemurahan rezeki dan cara untuk memperbaiki diri sendiri, buku ini ada jawapannya.

Pengulas:

Faridah binti Mustafa
Penolong Pustakawan S29
Penyelia C5, PD PNM Negeri Pahang

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AFFIFUDIN OMAR
Tun Tuah: Wira dan Diplomat Terbilang
Puchong, Selangor: Afif Books Sdn.Bhd;
2016
ISBN: 9789671189771

ULASAN

Bangsa Melayu mengenali Hang Tuah sebagai Laksamana terbilang empayar Melaka. Sebelum abad ke 17 Hang Tuah dikenali sebagai Toha dan penggunaan nama ‘Tuah’ itu digunakan setelah menjadi Laksamana. Hang Tuah dikenali bukan hanya sebagai hulubalang Melaka yang handal dalam pertempuran dan bermain senjata malah berperanan sebagai Menteri Luar empayar Melaka selama empat (4) dekad. Hang Tuah amat berpengaruh terhadap pembangunan ekonomi Melaka dan cemerlang sebagai seorang diplomasi apabila berhubung dengan dunia luar. Kesetiaan Hang Tuah kepada kesultanan dan negeri Melaka kekal sehingga jatuhnya Empayar Melaka kepada kuasa asing.

Buku berjudul Tun Tuah: Wira dan Diplomat Terbilang karya Affifudin Omar bertepatan dengan kupasan terperinci mengenai Hang Tuah. Buku ini tidak berkisar tentang peranan Tuah sebagai Laksamana atau hulu balang Melaka sahaja. Malah turut diterangkan berkenaan sejarah penemuan negeri Melaka, keturunan

kesultanan Melaka dan pembukaan pelabuhan kota Melaka serta susur galur salasilah keluarga dan peranan Hang Tuah sebagai diplomat Melaka. Tugas dan peranan Hang Tuah dalam mengembangkan pengaruh Empayar Melaka pada dunia luar turut diceritakan. Agak menarik apabila penulis menyampaikan kisah Tun Tuah ini dalam bentuk novel sejarah. Pembaca akan dapat lebih memahami kisah yang ingin disampaikan oleh penulis dengan penggunaan bahasa yang mudah. Penulis juga menyelitkan penggunaan gelaran yang ‘honorific’ dan ‘elitis’ terhadap penerimaan dan kewujudan Hang Tuah. Terdapat juga fakta dan sumber terperinci yang menyokong setiap peristiwa dan kejadian yang berlaku.

Antara perkara yang menarik pembaca adalah rentetan perjalanan hidup Hang Mahmud bersama Dang Merdu dan anak mereka Tuah yang berkelana dengan belayar ke Bentan sekitar tahun 1441 untuk meningkatkan taraf kehidupan. Hang Mahmud mendirikan rumah dan warung menjual makanan berdekatan dengan kediaman Bendahara. Pengaruh Islam belum diterima sepenuhnya pada masa itu. Ramai pedagang dari tanah Arab, India, Parsi, Pasai, Jawa dan Kedah yang datang berdagang. Tuah bersahabat dengan empat orang lagi budak lelaki yang sebaya iaitu Jebat, Kasturi, Lekir dan Lekiu. Hang tuah amat menggemari ilmu sufi dan tasyauf kerana kelebihannya lebih ke arah kekuatan batin. Jebat lebih mahir dalam ilmu pertempuran, Kasturi lebih cenderung kepada penggunaan bahasa, Lekiu lebih mahir dalam ilmu perubatan dan Lekir tertumpu ke arah ilmu pelayaran. Kebolehan dan kepintaran ini menjadikan mereka cukup istimewa dan disayangi oleh Bendahara dan Sultan Melaka.

Buku ini ditujukan kepada pembaca yang meminati kisah pengembaraan, Buku ini juga menyebut tentang peristiwa-peristiwa dan kisah yang berlaku sepanjang pengembaraan Hang Tuah ke negara luar. Apabila memegang jawatan sebagai Laksamana, Tun Tuah tidak lagi menjadi orang suruhan dalam istana. Sultan Mansur Syah ingin meluaskan lagi jajahan takluknya. Maka dihantar Tuah lima (5) bersahabat ini untuk menghapuskan lanun di laut Aceh, Langkawi dan pesisir pantai Selangor dan Terengganu. Mereka juga dihantar untuk menakluki Siak, Kampar, Indragiri dan Rokan dengan diketuai oleh Bendahara Tun Perak.

Sepanjang berbakti dengan Sultan Melaka, Tun Tuah juga pernah melawati Majapahit, Brunai, India dan China sebagai seorang Laksamana dan Diplomat.

Buku ini bukan merupakan buku biografi Tun Tuah. Akan tetapi tanpa Tun Tuah, tiadalah kemasyuran dan pengaruh empayar Melaka. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka tiada seri tanpa kehadiran Hang Tuah. Walaupun buku ini mengaitkan semua peristiwa yang berlaku dengan Hang Tuah, juga berkaitan dengan sistem pemerintahan beraja dan pembesar negeri yang lain. Begitu juga dengan kemasyuran nama-nama seperti Sultan Mansur Syah, Bendahara Tun Perak, Laksamana Cheng Ho, Puteri Hang Li Po, Tun Teja, Patih Kerma Wijaya, Patih Karma Jaya, Jebat, Kasturi, Lekir dan Lekiu amat sinonim serta dekat dengan perjalanan hidup Tun Tuah. Penulis menggambarkan Tuah adalah seorang yang tegas, cerdik, patuh pada arahan, setiakawan, berani dan tidak takut pada risiko. Akan tetapi, Tuah juga merupakan seorang yang rela berkorban dan mengalah untuk kepentingan orang lain. Kesetiaan dan cinta Tun Teja kepada Tuah terpaksa diketepikan demi kesetiaan kepada Sultan Melaka. Tuah patuh pada perintah Sultan untuk membuang Jebat derhaka dengan membunuhnya walaupun Tuah mengetahui perbuatan Jebat adalah menuntut bela atas kematianya.

Namun apa yang menarik, pada pendapat pengulas dalam buku ini adalah ketika tahun 1445, Laksamana Cheng Ho dari Negara China telah membuat pelayaran pertama ke Alam Melayu di bawah pemerintahan Sultan Muzafer Syah. Sambutan yang diterima sangat baik. Berita ini telah sampai ke telinga Maharaja Ming di Nanjiang dan berasa sangat teruja. Laksamana Cheng Ho menceritakan kehebatan Laksamana Hang Tuah yang boleh bertutur dalam Bahasa Mandarin, Hokkien dan Hakka. Ini membolehkan Laksamana Cheng Ho belseyari semula ke Melaka pada tahun 1460 atas arahan Maharaja China. Lawatan balas Kerajaan Melaka ke China menjadikan perhubungan semakin erat antara dua (2) empayar ini. Terdapat peristiwa yang jelas kelihatan menunjukkan kecerdikan Laksamana Hang Tuah kerana perbuatan melihat wajah Maharaja China adalah dilarang sama sekali kepada rakyatnya. Namun Laksamana Hang Tuah dapat melihat wajah Maharaja China dengan helah apabila memakan sayur kangkung yang tidak dikerat. Justeru

dengan lawatan ini, Maharaja China telah mengeluarkan amaran kepada kerajaan Siam agar tidak mengganggu Melaka lagi.

Tun Tuah dengan kebijaksanaannya telah melakar pembangunan ekonomi dan dasar luar Melaka yang menjadi asas kekuatan politik beliau selama lima (5) dekad. Kehilangannya dari empayar dan kesultanan melayu Melaka telah menjadikan Melaka lemah dan mudah ditakluki oleh Portugis. Ini menjadikan pelabuhan dan kota Melaka telah menjadi lumpuh. Pemerintahan Sultan Melaka yang lemah juga merupakan punca utama kejatuhan Melaka ke tangan Portugis.


Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati sejarah silam terutama berkenaan Hang Tuah, untuk membaca buku ini. Buku yang berbentuk penceritaan atau fiksyen dengan merujuk fakta atau sumber ilmiah menguatkan lagi penceritaan novel sejarah ini. Buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana kaedah penyampaiannya bersahaja seperti sebuah novel.

Pengulas:

Saiful Nizam Bin Jamaludin
Penolong Pustakawan
Perpustakaan Desa, Kedah
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



PAK UTIH
SUAMI MEMIMPIN ISTERI MENGURUS: TAK FAHAM FAHAM...
Kuala Lumpur: WMZ Media Sdn. Bhd.,
2017
ISBN: 9789670998206

ULASAN

Setiap insan yang dilahirkan di dunia mempunyai keistimewaan dan kelemahan yang tersendiri. Begitulah lahiriahnya wanita dan lelaki yang mempunyai banyak perbezaan dari pelbagai segi dalam kehidupan. Perbezaan pendapat dan pandangan seringkali menjadi permasalahan yang menimbulkan pergolakan dalam setiap ikatan perhubungan terutamanya dalam kehidupan rumah tangga. Justeru itu, dalam melayari bahtera rumah tangga pasangan suami isteri haruslah saling menyayangi, menghormati, memahami dan bertolak ansur agar istana yang dibina akan kekal bahagia serta lebih bersedia dan matang dalam menangani setiap masalah yang mendatang.

Buku ini amat bertepatan dengan judul yang diberikan. Tidak hanya berkisarkan tentang permasalahan rumah tangga semata-mata, tetapi lebih menjelaskan tentang

langkah dan peranan dalam menangani masalah dalam kehidupan dengan mempraktikkan kaedah persefahaman dan toleransi serta cara komunikasi dua hala yang baik.

Penulis menyampaikan pendapat melalui 13 topik berbeza bagi memudahkan pembaca lebih memahami setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas tanpa sebarang kiasan. Penulis turut menggunakan gaya penceritaan semula dan menggunakan petikan daripada beberapa ayat Al-Quran bagi menyokong hujah yang disampaikan. Fakta-fakta hasil kajian berasaskan teknologi moden, turut diguna pakai bagi menerangkan dan menyokong fakta dengan lebih terperinci.

Antara isi yang dapat menarik minat pembaca adalah perbezaan “Neuroscience” antara suami dan isteri. *Neuroscience* merupakan penyelidikan berasaskan otak. Melalui penggunaan teknologi moden seperti MRI, Imbasan PET dan SPECT dapat melihat beberapa perbezaan kawasan yang mempunyai kaitan dengan perbezaan antara suami dan isteri semasa berkomunikasi, iaitu *Amygdala, brain stem, broca's and wernicke's areas, cerebrum, corpus callosum, limbic system, oxytoxin, testosterone, cortisol, cerebellum, hypothalamus. Hippocampus. Grey matter and white matter, estrogen dan serotonin*. Perbezaan ini menyebabkan mekanisme dan peranan pancaindera komunikasi lelaki dan wanita berbeza.

Buku ini merupakan buku yang sesuai kepada pembaca yang menitikberatkan keharmonian rumah tangga kerana setiap topik yang diketengahkan merupakan masalah rutin yang seringkali berlaku dalam kehidupan pasangan suami isteri. Melalui pembacaan buku ini, kita akan lebih memahami mesej sebenar yang hendak disampaikan oleh pasangan melalui tip-tip yang telah diutarakan.

Menurut pandangan penulis, terdapat beberapa kesilapan yang sering dilakukan oleh pasangan suami isteri semasa bertengkar yang harus dielakkan agar perselisihan faham tersebut dapat menjadi komunikasi yang lebih berkesan dan bermakna. Penulis memberi tips untuk mengelakkan perbalahan, pasangan suami

isteri perlu muhasabah diri dan mencatatkan kesilapan yang telah dilakukan agar punca perbalahan dalam rumah tangga dapat diurus dan dielakkan.

Menurut pendapat penulis juga, memahami mesej yang disampaikan oleh setiap pasangan adalah sangat perlu. Penggunaan bahasa tidak terus yang sering digunakan oleh isteri sangat perlu untuk difahami. Kenyataan ini turut dikukuhkan melalui laporan *Science Daily* pada 21 Januari 2005 yang berjudul “Intelligence In Men And Women Is A Gray And White Matter” yang mengatakan binaan otak wanita telah diprogramkan memiliki lebih “White Matter” yang bertugas menghubungkait sesuatu perkara dengan yang lain sehingga membolehkan wanita pakar dalam menggunakan “komunikasi bahasa tidak terus”. Namun kebanyakkan lelaki tidak pandai mentafsirkan setiap percakapan tidak terus daripada wanita. Nasihat daripada penulis agar suami mendengar dengan baik ketika isteri bersuara, bertanya sekiranya tidak memahami apa yang disampaikan dan menerima setiap kekurangan dan kelebihan yang ada pada isteri. Selain itu, penulis turut menasihatkan agar isteri tidak menggunakan bahasa kiasan sekiranya suami dalam keadaan serius atau stres.

Pengulas mengesyorkan bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga untuk membaca dan memahami buku ini sebagai panduan sebelum ke gerbang perkahwinan. Kesediaan dalam menjalani liku kehidupan rumah tangga sangat perlu bagi setiap pasangan yang ingin berumahtangga. Tambahan pula buku ini juga sesuai bagi wanita dan lelaki untuk lebih memahami bukan hanya dalam hubungan suami isteri tetapi juga dalam sesebuah organisasi.

Pengulas:

Zainun Binti Maliki


Penolong Pustakawan Gred S29

Perpustakaan Desa Taman Harmoni Sri Aman

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ADLIL RAJIAH & NAJMI HANIFAH
3 Kertas, 3 Krayon, 3 pensel warna
Batu Caves, Selangor: Mustread Sdn. Bhd.,
2017.
ISBN: 9789670716923

ULASAN

Pendidikan keibubapaan amat memainkan peranan yang penting ke arah pembinaan akhlak, pengukuhan institusi keluarga dan juga pembinaan generasi yang cemerlang. Perkembangan anak dari segi fizikal (jasmani), sosial, emosi, mental (kognitif) dan intelek banyak dipengaruhi oleh interaksi antara ibu bapa dan anak-anak.

Ilmu, pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak yang mempengaruhi sikap seseorang ibu bapa. Asuhan sejak kecil dan pendidikan yang diterima oleh ibu bapa juga turut mempengaruhi sikap keibu-bapaan. Ini bererti kepercayaan, keyakinan, ilmu, asuhan, pendidikan dan pengalaman yang diterima merupakan rempah ratus dan ramuan yang membentuk sikap keibu-bapaan.

Di samping itu, ibu bapa juga perlu mengetahui serba-serbi berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak, ilmu psikologi, ilmu pendidikan, ilmu kesihatan, ilmu pemakanan, ilmu keselamatan dan sebagainya. Bidang-bidang ilmu ini wajib

dikuasai oleh setiap ibu bapa dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Selain itu, melalui pemikiran yang matang, positif dan sihat psikologi dapat membantu ibu bapa dalam memberikan asuhan dan didikan yang baik terhadap anak-anaknya.

Buku berjudul *3 Kertas, 3 Krayon, 3 Pensel Warna* ini adalah bersesuaian dengan menasarkan kepada ibu bapa untuk menjadikan buku ini sebagai panduan dalam mendidik anak-anak. Ini kerana cabaran mendidik anak bagi setiap ibu bapa memerlukan kaedah yang bersesuaian dengan keadaan mahu pun situasi. Melalui kaedah yang betul dalam menangani situasi atau keadaan akan memberi impak yang berkesan dalam mendidik anak-anak.

Penulis menyampaikan ilmu melalui buku ini dalam bentuk sebuah bacaan yang ringkas dan menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami. Oleh itu, pembaca akan lebih memahami dan mudah untuk membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Penulis turut menyokong dan menyertakan maklumat daripada pakar kanak-kanak yang boleh mengukuhkan lagi hujah-hujah yang dinyatakan olehnya. Pada peringkat awal sebelum penulis mengarang buku ini, penulis menyampaikan segala ilmu keibubapaan ini berdasarkan dari pengalaman beliau mendidik anak dan ilmu ini dikongsi oleh penulis melalui penulisan dalam *blog*. Hasil daripada penulisan di dalam *blog* tersebut menyebabkan ramai ibu bapa yang tertarik dengan *blog* penulis dengan bertanyakan bermacam soalan yang berkaitan dengan pendidikan keibubapaan dan cuba mengaplikasikan pengalaman penulis dengan mempraktikkan sendiri kaedah tersebut.

Antara kandungan yang dapat menarik pembaca adalah tips keibubapaan, idea aktiviti kanak-kanak, tips pakar psikiatri dan resepi untuk kanak-kanak. Buku ini juga disertakan gambar penulis dengan anaknya sendiri sedang melaksanakan aktiviti yang menyeronokkan bersama-sama. Proses perkembangan kanak-kanak bermula daripada dalam kandungan sehingga anak dilahirkan. Melalui buku ini juga, ibu bapa dapat mengenali potensi anak mereka untuk cenderung terhadap bidang yang diminati oleh anak mereka. Penulis juga cuba mendedahkan kepada ibu bapa


tentang sesuatu perbuatan yang tidak disedari oleh ibu bapa itu sendiri yang boleh memberi kesan kepada anak-anak mereka dan pada yang sama ini dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada ibu bapa untuk sentiasa berhati-hati dalam mendidik anak.

Pengulas mengesyorkan bagi pembaca yang meminati dan ingin mencari ilmu berkaitan keibubapaan, buku ini amat bersesuaian serta bertepatan. Turut sesuai dibaca oleh guru yang sentiasa bersama-sama dengan kanak-kanak dan juga orang awam yang ingin mengenali kanak-kanak dengan lebih dekat lagi. Melalui kesedaran daripada pelbagai pihak dalam mempelajari ilmu keibubapaan ini, ia bukan suatu perkara yang mustahil untuk melahirkan generasi yang berkualiti pada masa hadapan.

Pengulas:

Siti Martini Binti Abu Bakar
Penyelia
Perpustakaan Desa Zon 18, Sabah
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM A.
BADARUDDIN
35 Cara Pengucapan Awam
Ampang, Selangor: Casamas Resources Sdn.
Bhd., 2017.
ISBN: 9789675994968

ULASAN

Buku ini membincangkan bagaimana untuk menjadi seorang pengucap awam yang berkesan. Antara bab yang boleh difokuskan oleh pembaca terutamanya yang baru berjinak-jinak dengan dunia pengucapan awam ialah bab *Bagaimana Untuk Menjadi Seorang Pengucap* di halaman 53 iaitu dengan mengenalpasti jenis pengucap yang ingin dicontohi sama ada yang menghiburkan, jurulatih, pembentangan dan sebagainya.

Pembaca juga boleh mendapatkan maklumat tentang bagaimana untuk mengatasi ketakutan semasa pengucapan awam. Enam (6) tips daripada pakar telah disediakan di dalam bab ini untuk diaplikasikan oleh pembaca antaranya *Anda Tidak Sempurna – Dan Itu Adalah Normal*, *Bagaimana Untuk Bersedia*, *Tahu Akan Kepentingan Minit Pertama*, *Kurang Tekanan Dipermulaan Waktu* dan *Apa Yang Perlu Anda Lakukan Jika Anda Membuat Kesilapan*. Bab *Bagaimana Untuk Mengatasi Perasaan Malu Dan Berasa Yakin* di halaman 21 juga dapat membantu pengucap yang baharu. Buku ini juga menumpukan kepada pengucap yang sudah mahir, anda boleh menelaah tentang bab

Bagaimana Untuk Menjadi Seorang Pengucap Yang Berkesan, Bagaimana Untuk Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan beberapa bab lagi yang sesuai.

Bab yang membantu saya dalam pengucapan awam ialah bab *Bagaimana Untuk Menjadi Seorang Pengucap Yang Baik*. Dalam bab ini, penulis telah menyenaraikan arahan yang boleh digunakan untuk menjadi seorang pengucap yang baik iaitu hubungan mata, menyediakan rangka ucapan, bercakap dengan jelas, laraskan ucapan anda untuk penonton anda, jangan gunakan nada yang sama untuk keseluruhan ucapan, jangan merendah-rendahkan orang, jadi menarik, lantangkan suara, jadi jujur, bersopan santun dan pelbagai lagi. Penulis juga memberi petua yang boleh diaplikasikan oleh pengucap yang bagus iaitu mengenali penonton anda, memahami cara untuk mengenali penonton, belajar tentang organisasi dan acara, keperluan *Audio Visual* dan mohon masa tambahan untuk merancang perjalanan. Banyak ilmu baharu yang saya peroleh dalam bab ini iaitu tentang petua supaya sentiasa menggunakan mikrofon berwayar bagi mengelakkan sebarang kemungkinan, dan juga tentang memohon masa yang cukup untuk merancang perjalanan jika belum pernah sampai ke lokasi acara.

Buku ini juga dapat membantu saya memperbaiki teknik pengucapan awam saya kerana saya banyak terlibat dalam memberikan ceramah kepada pelajar, guru-guru dan sebagainya. Di samping itu, saya juga adalah seorang pengacara majlis jabatan dan buku ini dapat membantu saya dalam mendepani situasi yang tidak diingini. Buku ini telah ditulis dalam bahasa yang sangat mudah difahami oleh sesiapa sahaja kerana maklumatnya adalah *straight to the point*. Tulisannya juga adalah besar dan sesuai untuk peringkat umur untuk dibaca. Buku ini sesuai untuk dibaca oleh semua golongan dalam usaha untuk meningkatkan keyakinan diri dalam pengucapan awam. Menariknya, ada diselitkan kata-kata motivasi di lembaran muka surat buku ini. Saya yakin ia mampu memberi impak kepada pembaca. Kata-kata yang menarik minat saya ialah “jangan beritahu orang bagaimana untuk melakukan sesuatu, beritahu mereka apa yang harus dilakukan, dan biarkan mereka mengejutkan anda dengan hasilnya”.

Pengulas:

Haizatul Afni Binti Bakhtiar
Penolong Pegawai Perpustakaan
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Perlis

SINOPSIS BUKU



PAHROL MOHAMAD JUOI
Merawat CINTA dalam RUMAH TANGGA

Seri Kembangan, Selangor :
IMAN PUBLICATION SDN.
BHD., 2019.

ISBN: 9789832423775

Sesekali, kita terasa seperti tidak mengenali pasangan kita. Dia menjadi ‘orang lain’, seakan-akan kita belum pernah mengenalinya walaupun telah berumah tangga setelah sekian lama. Apabila usia perkahwinan semakin bertambah, dirasakan tiada lagi kemanisan, kehangatan dan keharmonian seperti yang pernah dilalui sebelum itu. Segalanya menjadi semakin suram.

Melalui buku ini, penulis membawa kita meniti makna dan definisi cinta yang sebenar dan seterusnya memberi nasihat bagaimana untuk merawat keretakan cinta dalam rumah tangga. Buku ini amat menarik untuk ditelusuri sebagai panduan untuk pasangan yang sedang dan akan mendirikan rumah tangga.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



PAHROL MOHAMAD JUOI

Bawa CINTA KITA ke SYURGA

Seri Kembangan, Selangor
: IMAN PUBLICATION
SDN. BHD., 2019.


ISBN: 9789832423768

Manusia secara fitrahnya inginkan cinta. Tetapi, cinta semata-mata tidak cukup untuk mempertahankan keharmonian sesebuah rumah tangga, terutamanya apabila pasangan sudah jemu dan mula berubah. Maka, adakah kita sudah tersilap memilih pasangan? Haruskah rumah tangga berakhir dengan hilangnya cinta? Buku ini mengajak kita untuk membetulkan sikap dan cara pandang terhadap perkahwinan di mana matlamat utamanya adalah menuju Allah SWT. Penulis memberi nasihat bagaimana kita harus mengemudi bahtera sehingga kita mencapai matlamat perkahwinan yang sering disebut-sebut itu iaitu SYURGA.

Salah satu bahan bacaan yang perlu dikongsi bersama untuk penambahan ilmu pengetahuan yang berterusan. Bahan bacaan yang amat menarik untuk dibaca kerana pelbagai ilmu pengetahuan berkenaan bidang berkaitan dikongsi bersama.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



SYAARI ABD RAHMAN

Perempuan YANG BAIK-BAIK DALAM AL-QURAN


Seri Kembangan, Selangor :
IMAN PUBLICATION SDN.
BHD., 2019.

ISBN: 9789832423782

Perempuan yang baik-baik itu bukanlah perempuan yang sempurna. Tidak sempurna sabarnya, namun mampu menguatkan kesabaran demi zuriat yang disayanginya persis Maryam AS. Tidak sempurna keyakinannya, namun mampu meneguhkan hatinya kerana percaya akan janji Allah SWT persis ibu Nabi Musa AS. Tidak sempurna masa silamnya, namun demi mengejar peluang syurga, dia sanggup korbankan segalanya persis Zulaikha.

Melalui buku ini, Ustaz Syaari mengupas kisah-kisah perempuan yang diangkat kedudukannya di sisi Tuhan, di sebalik ketidaksempurnaan yang mereka ada. Buku ini sesuai dibaca oleh tidak kira lelaki maupun perempuan, kerana Al-Quran diturunkan sebagai penawar buat jiwa seluruh manusia.

SINOPSIS BUKU



MASZLEE MALIK

**SAS TADBIR URUS ISLAM =
FOUNDATIONS OF ISLAMIC
GOVERNANCE**

Kuala Lumpur : Institut
Terjemahan & Buku Malaysia,
2019

ISBN: 9789674608033

Menerusi pendekatan diskursif analitikal secara eksklusif dalam buku ini, pembaca akan mendapati bahawa Islam diyakini mampu menjadi pemberdaya dalam menghasilkan insan *homo-Islamicus* yang beriman dan berihsan yang dapat menyumbang secara kolektif ke arah pembangunan masyarakat melalui tadbir urus. Usaha ini merupakan satu lagi ijihad berteraskan pandangan hidup bertauhid dengan ontologi eksplisitnya menerusi epistemologi deskriptif terarah yang mementingkan pembangunan insan mapan sebagai prasyarat utama yang menentukan kejayaan pembangunan sesebuah negara.

Buku ini sangat berguna sebagai bacaan umum masyarakat sebagai pedoman bagi membentuk dan memantapkan ciri kepimpinan pada semua peringkat, dan menjadi rujukan para pelajar, lebih-lebih lagi dalam kalangan pentadbir serta penjawat awam dan swasta.

SINOPSIS BUKU



MAYA MOHAMED

**Catatan Haji DIY : Suamiku
Mutawifku**

Klang, Selangor : Siti Sinarmaya binti
Mohamed Ali, 2019.

ISBN: 9789671697306


Tiada siapa yang tidak mahu menunaikan haji. Perkara yang wajib dalam rukun Islam bagi setiap umat Islam yang mampu. Selagi mahu, selagi mampu maka perlulah dilaksanakan.

Sebagai hamba, kita perlulah berusaha menyiapkan diri untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima ini. Pastikan kita layak dan mampu untuk mengerjakan ibadah ini dengan sempurna.

Kisah yang menarik berdasarkan pengalaman mengerjakan fardhu Haji secara persendirian (DIY). Pengalaman berharga yang akan mencetuskan dorongan untuk mengerjakan ibadah rukun ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MUHD KAMIL IBRAHIM
www.muhskamil.org

MUHD KAMIL IBRAHIM
DIDIK ANAK
CEMERLANG: PETUA
UNTUK IBU BAPA
Batu Caves, Selangor :
Galeri Ilmu, 2019.
ISBN 9789830977898

Buku Didik Anak Cemerlang merupakan buku petua atau menyemai idea untuk mereka yang bakal mahu pun baru melangkah ke alam rumah tangga. Penulis berkongsi 15 petua yang wajar dipertimbangkan oleh ibu bapa untuk melahirkan anak yang cemerlang. Cemerlang bukan dalam erti cemerlang akademik sahaja namun yang lebih penting adalah cemerlang sebagai anak yang soleh. Buku ini mengandungi 15 anekdot perjalanan kehidupan penulis dalam menimba ilmu untuk dijadikan panduan kisah-kisah yang menceritakan kejayaan dan kegagalan dalam akademik. Hari ini ibu bapa melihat anak-anak perlu cemerlang dari segi akademik, lantas mereka bertungkus-lumus mengejar kejayaan dunia sambil meminggaikan ilmu akhirat kepada anak. Dalam buku ini penulis seboleh mungkin meyakinkan pembaca bahawa anak yang cemerlang sebenarnya perlu seimbang antara ilmu dunia dan akhirat.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



MOHD TAMIZI
MUSTAFA, HAMDAN
HUSAIN, ABD.LATIF
MOHMOD & AMIR
SAAIFUDIN KASSIM
**BULUH KOMERSIAL
MALAYSIA:COMMERCIAL
BAMBOOS OF MALAYSIA**
Kepong, Selangor : FRIM,
2019.
ISBN 9789672149446

Buluh merupakan antara sumber yang lestari dan tergolong sebagai bahan yang mesra alam. Dalam tempoh jangka panjang, penggunaan buluh sebagai bahan alternatif diharap dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber bahan lain seperti getah, rotan dan sebagainya. Buku ini mengandungi maklumat terperinci dan penerangan berbentuk grafik tentang 24 spesis buluh di Malaysia yang berpotensi untuk dikomersialkan. Buku ini disusun dalam bentuk jadual yang ditambah dengan ilustrasi bergambar berwarna-warni khusus untuk memudahkan pembacaan. Buku ini sesuai dijadikan bahan rujukan dan panduan bagi pihak industri, ahli akademik, pelajar, pembuat dasar serta masyarakat umum yang ingin memahami dengan lebih terperinci tentang buluh dan kegunaannya.

SINOPSIS BUKU




**ESRA OZYUREK
KEKAL JERMAN
MENJADI MUSLIM:
BANGSA, AGAMA DAN
PENUKARAN AGAMA DI
EROPAH BARU**
Petaling Jaya, Selangor:
ZI Publications Sdn Bhd,
2017.
ISBN 9789675266409

Saban tahun semakin ramai orang Eropah termasuk rakyat Jerman yang telah memeluk Islam. Sehingga kini dianggarkan seramai seratus ribu orang Jerman telah memeluk Islam. Apa yang menariknya semakin kuat tentangan serta fitnah terhadap Islam semakin ramai yang yakin dengan agama suci Islam. Buku ini mengisahkan mengenai bagaimana orang Jerman menerima Islam dalam lingkungan suasana antagonisti dan bagaimana mereka mengimbangi kecintaan mereka kepada Islam dalam keadaan mesyarakat mereka sendiri berasa takut kepadanya. Penulis melihat bagaimana masyarakat aliran utama meminggirkan mualaf dan mempersoalkan kesetiaan kepada negara. Golongan mualaf pula sebaliknya cuba menjauhkan diri daripada imigran dari negara-negara majoriti Muslim dan mempromosikan Islam tanpa negara dan tanpa dicemari oleh tradisi Turki atau Arab. Buku ini memberi ruang baharu kepada kaitan dan ketegangan yang berpuncu daripada fenomena keagamaan yang semakin berkembang di Jerman dan negara Eropah lain.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ZAINI NASOHAH
**NAFKAH ANAK DAN
TUNTUTAN DI
MAHKAMAH SYARIAH**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2019.
ISBN 9789674127800

Seringkali terdapat isu hangat berkaitan pemberian nafkah terhadap isteri dan anak-anak. Selepas terjadinya penceraian tanggungjawab seorang ayah tidak terputus dalam pemberian nafkah terhadap zuriat keturunannya. Buku ini membahaskan tentang nafkah anak dari perspektif hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Nafkah kepada anak merupakan salah satu cabang kepada nafkah keluarga. Buku ini menyatakan anak yang berharta nafkahnya hendaklah diambil dari hartanya sendiri manakala sebaliknya pula kepada mereka yang tidak berharta nafkahnya wajib ditanggung oleh orang yang bertanggungan menurut hukum syarak dengan syarat-syarat tertentu. Jenis nafkah adalah termasuk tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan dan perubatan. Sebagaimana nafkah isteri kadar nafkah anak juga hendaklah mencukupi. Buku ini sesuai untuk bacaan semua golongan yang berhasrat mengetahui secara mendalam persoalan-persoalan hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam berkaitan nafkah anak seperti pengamal undang-udang, pelajar ataupun masyarakat awam yang berminat.

SINOPSIS BUKU




ROSNAAINI HAMID
DIET AHLI SUFI
Sintok, Kedah : Penerbit Universiti
Utara Malaysia, 2019.
ISBN 9789672210344

Buku ini merupakan sebuah buku yang membincangkan tentang persoalan yang berkaitan dengan makanan yang diambil oleh ahli sufi. Istilah makanan pada pandangan syarak mencakupi hidangan makanan, nafkah, pakaian dan harta kekayaan seperti tanah, kenderaan serta tempat perlindungan. Oleh itu, secara ringkasnya makanan merujuk kepada setiap sesuatu yang dijamah sama ada dimuatkan ke dalam perut atau diambil manfaat untuk kegunaan seharian. Semua perkara tersebut ditakrifkan sebagai makanan yang diambil setiap hari secara fizikal tetapi boleh memberi kesan kepada perkembangan spiritual. Kesan pengambilan makanan tersebut amat diambil berat dalam kalangan ahli sufi yang bertujuan mencari keredaan Allah SWT dan mendekatkan diri dengan-Nya. Turut dibincangkan tentang adab sopan ahli sufi berkaitan persoalan makanan, seperti memilih makanan yang halal dan kuantiti makanan yang diambil oleh ahli sufi.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD YUSUF
**The Miracles of Solat Hajat :
Lebuh Raya Merealisasikan
Segala Keinginan**
Selangor: Al-Hidayah House of
Publishers Sdn. Bhd., 2019
ISBN: 9789674393328

Jika anda memiliki keinginan yang terasa amat berat untuk dikabulkan, atau anda memiliki hajat yang ingin cepat tercapai, atau anda mempunyai masalah yang tak kunjung selesai, adukan semuanya kepada Allah SWT melalui solat hajat. Nescaya Allah SWT akan memudahkan jalan anda untuk merealisasikan semua impian anda dan memberi jalan keluar bagi kesulitan yang anda hadapi. Sudah terbukti yang menunjukkan ‘keampuhan’ solat hajat sebagai jalan untuk meraih impian. Buku ini menjelaskan hal berkenaan melalui perbahasan yang komprehensif disertai dengan kisah-kisah kejayaan para pencinta solat hajat. Buku ini juga membahaskan cara melaksanakan solat hajat dan tatacara yang dianjurkan oleh Rasulullah SWT agar doa anda ‘lebih cepat’ dikabulkan oleh Allah SWT.

SINOPSIS BUKU




USTAZ PAHROL MOHAMAD JUOI
7 Langkah Baiki Diri
Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2019
ISBN: 9789830978345

Kita hidup bukan secara kebetulan tetapi mempunyai tujuan. Skrip kehidupan ini ada arah, tujuan, jalan, bekalan, halangan dan akhirannya. Melaluinya satu persatu, tahap demi tahap, insya-Allah hidup ini akan lebih terpandu. Maksudnya, untuk berjaya, kita mesti melalui hidup dengan dirancang bukan hanya dengan kebetulan dan mengikut keadaan. Jom berhijrah dari zon selesa tapi beku kepada zon mencabar yang penuh dugaan tetapi di situlah letaknya kejayaan dan kecemerlangan. Jadi, keluarlah menuju zon yang mencabar dan bersiap sedialah menghadapi kata nista, cerca dan hina manusia. Itu sudah lumrah, namun, tidak semua manusia begitu, anda akan temui nanti kata-kata yang memberangsangkan, mendorong dan merangsangkan dalam buku ini. Ubahlah diri, nescaya alam akan ‘berubah’ mengikut perubahan kita. Mari kita mulakan langkah pertama untuk berubah dan tentukan arah hidup dengan hidayah. Selusurilah langkah-langkah seterusnya untuk baiki diri, keluarga, masyarakat, negara bahkan dunia.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



NOR HAPIZA MOHD ARIFFIN
Pengurusan Insani Dalam Sistem Pengurusan Pelanggan
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019
ISBN: 9789834900922

Buku ini diterbitkan bagi memberi panduan dalam membangunkan satu kerangka kerja yang strategik dalam sistem pengurusan perhubungan pelanggan. Perbincangan dalam buku ini menumpukan kepada empat (4) dimensi, iaitu dimensi teknologi, sosial, intelektual dan insan. Selain dari itu, buku ini juga turut membincangkan empat (4) fasa iaitu analisis strategik, pembangunan strategi (CRM), pengurusan berpusatkan pelanggan dan pengurusan kitar hayat pelanggan. Buku ini sesuai digunakan oleh para pentadbir institusi pengajian tinggi, ahli akademik, penyelidik IT dan individu yang berminat dengan bidang pengurusan pelanggan.

SINOPSIS BUKU




Rural Tourism in Malaysia

Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2019
ISBN: 9789674613570

Rural tourism provides opportunities for travelers to experience rural attractions and getting familiar with the culture and heritage. It is known to stimulate rural economy through job creation, farm support, nature conservation, rural supplies and services, landscape and nature conservation, rural arts and crafts, and enrichment of local heritage. The development will profit the local community through tourism products ranging from eco-tourism to cultural tourism. With rich and melting pot of multicultural and biodiversity, Malaysia has great potential in rural tourism. Both Peninsular Malaysia and East Malaysia have the best ecotourism destinations in the region. Malaysia is blessed to have the UNESCO branded rural destinations such as Kinabalu Park, Gunung Mulu National Park and Archeology Heritage of the Lenggong Valley. The rural tourism concept in Malaysia has been integrated with other tourism concepts such as sustainable tourism, indigenous tourism, ethnic tourism, agro tourism, ecotourism, farm tourism, cultural tourism and heritage tourism.

SINOPSIS BUKU




ZULKIFLI SALLEH
Bahasa dan Isu-Isu Sosiobudaya
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka, 2019
ISBN: 9789834921286

Bertentangan dengan pandangan konvensional, buku bahasa dan isu-isu sosiobudaya meninjau dunia bahasa yang amat luas dan kompleks; bahasa sebagai alat perpaduan atau penyatuan, bahasa juga punca persengketaan dalam masyarakat, perpecahan dalam sesbuah negara dan ketegangan antarabangsa. Perihal bahasa dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, budaya, peradaban, negara bangsa, pembinaan bangsa dan jati diri nasional turut diketengahkan. Buku yang ditulis oleh bukan ahli bahasa ini menunjukkan bahawa globalisasi dan teknologi yang dikhawatir membaik bersama-sama hegemoni bahasa Inggeris, tidak mengancam atau mempusukan sesuatu bahasa; sebaliknya faktor demografi atau penghijrahan yang berlaku secara besar-besaran berkemungkinan mengancam bahasa sesbuah negara. Bahasa bukan sahaja menjadi persoalan di negara kebijajahan, negara pascakolonial, tetapi juga negara maju, negara berbahasa Inggeris.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Hikayat Asal Mulanya Wayang


Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.

ISBN: 9789834921040

Buku ini menceritakan tentang wayang iaitu satu bentuk ciptaan seni yang bermutu tinggi. Cerita wayang dalam penuturan dalang dan bentuk kisahan berdasarkan karya sastera telah tumbuh dan berkembang dalam fikiran masyarakat setempat. Cerita wayang menjadi tontonan penggemar yang mampu mengembangkan watak dan keperibadian serta hasil nilai-nilai luhur yang terkandung dalam karangannya. Menekuni cerita wayang, akan membawa keasyikan kepada pembacanya untuk menemukan makna daripada nilai-nilai hakiki kehidupan. Buku ini bermanfaat sebagai bahan bacaan dalam kalangan penyelidik sastera, para mahasiswa di institusi pengajian tinggi dan khalayak pembaca umum serta masyarakat amnya yang ingin mendalami pandangan jagat Melayu terhadap sosiobudaya.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



MARDINA ABDULLAH,
BADARIAH BAIS, MOHD HEZRI
MOKHTAR DAN ALINA MARIE
HASBI


Sistem Penderiaan Suar Matahari dan Cuaca Angkasa

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.

ISBN: 9789834913663

Buku ini mengandungi enam (6) bab yang menceritakan tentang pengenalan cuaca angkasa dan proses pembinaan sebuah sistem penderiaan suar matahari. Buku ini juga memberikan pendedahan awal mengenai cuaca di angkasa. Cuaca angkasa ialah perubahan keadaan alam sekitar di ruang berhampiran bumi, iaitu dari ruang atmosfera matahari hingga ruang atmosfera bumi. Soalan latihan juga disediakan bagi memantapkan pemahaman pembaca. Seterusnya buku ini memberikan sumber inspirasi kepada para pembaca, terutamanya pelajar untuk memulakan penyelidikan dan seterusnya melahirkan ahli sains muda di Malaysia dalam bidang sains angkasa. Buku ini juga dapat memberikan manfaat dan memupuk minat para pembaca dalam bidang sains angkasa, di samping memberikan kesedaran tentang kepentingannya kepada kehidupan sejagat.

SINOPSIS BUKU



RASHID HAMAT


**Zaman Prasejarah
Terengganu**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.

ISBN: 9789834907198

Buku ini memerihalkan kronologi zaman prasejarah di negeri Terengganu yang bermula sejak zaman Hoabinhian atau zaman batu Mesolitik. Selepas zaman Hoabinhian, berlaku pula zaman Neolitik yang memperlihatkan tahap pemikiran manusia zaman itu yang lebih maju dan berinovasi. Hasil ciptaan mereka juga lebih halus, sempurna dan berkualiti. Tapak zaman ini dikesan di Gua Tuk Bidan, Hulu Terengganu melalui kerja ekskavasi dan di Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu melalui jumpaan secara tidak sengaja. Apabila berakhirnya zaman Neolitik, wujud pula zaman logam. Peralatan yang diperbuat daripada logam mula dikeluarkan, seperti gendang Dongson dan alat besi bersoket yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan saiz. Penerbitan buku ini bertujuan menambahkan lagi usaha penyelidikan dan kajian dijalankan berkaitan dengan sejarah awal Terengganu.

SINOPSIS BUKU



JEYAPALAN KASIPILLAI

A Guide to Malaysian Taxation

New York : Oxford, 2019.

ISBN: 9789834728779

This publication provides a concise yet comprehensive guidance on the essentials of Malaysian taxation to enable a working understanding of the law and practice of taxation in Malaysia. It explains the core tax concepts and principles, including tax administration of self-assessment system, residence status, employment income, business and non-business incomes, partnership income, basis period, personal reliefs and rebates, business deductions, withholding taxes and double taxation agreements, capital allowances, taxation of companies, real property gains tax, as well as the recently reintroduced sales and service tax.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



B INTAN NURULHANI,
MN MADIHAH, N
AMIZAN, M BADARIAH, J
FADZUREENA, BA
AMELIA

**PROFIL
SOSIOEKONOMI: Orang
Asli Pesisir Pantai
dalam
Pendokumentasian
Tumbuhan Ubatan**


Selangor: Institut
Penyelidikan Perhutanan
Malaysia, 2019.

ISBN: 9789672149484

Buku ini merupakan satu daripada output Projek Pendokumentasian Tradisi berkaitan Tumbuhan Ubatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Hasil penulisan ini juga kesinambungan kepada usaha pendokumentasian pengetahuan tradisi tumbuhan ubatan dan beraroma Orang Asli. Buku ini memfokuskan pada tiga (3) suku kaum pesisir pantai iaitu Mah Meri, Orang Kuala dan Orang Seletar yang terlibat dalam projek yang dilaksanakan pada tahun 2016-2017. Segala maklumat yang terdapat dalam buku ini merupakan input penting yang boleh diguna pakai oleh penggubal polisi, penyelidik dan pemegang taruh berkepentingan dalam usaha berterusan bagi meningkatkan taraf hidup Orang Asli.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DR. MUHAMAD FAISAL
ASHAARI

**30 OPS SIKAP POSITIF
DIRI: di Gerbang
Ramadan dan Syawal**


Selangor : Pertubuhan
Pendakwah (Islam)
Selangor, 2019.

ISBN: 9789671416433

Sikap merupakan aspek dalaman yang terdapat dalam diri seseorang. Buku "Ops 30 Sikap" ini menumpukan kepada aspek sikap yang terhasil daripada minda bawah sedar. Ia tidak mudah untuk diubah kerana setelah berpuluhan tahun sesuatu sikap yang telah menjadi sebatи di dalam diri manusia. Seseorang itu mungkin tidak perasan bahawa kecenderungannya atau minatnya kepada sesuatu perkara disebabkan minda bawah sedar. Ia terbentuk begitu lama dalam diri sehingga membentuk sikap sama ada yang baik mahupun yang buruk. Sikap inilah yang cuba untuk dibentuk dan dilenturkan agar mengikut tuntutan agama. Buku ini merupakan hasil tulisan yang pada peringkat awalnya ditulis dalam blog myfaisalonline.blogspot.com. Setelah semuanya dikumpulkan, ia diolah semula berdasarkan format buku yang akhirnya diterbitkan sempena bulan Ramadan tahun 2018. Buku ini diharapkan boleh menjadi panduan untuk lapisan pembaca dalam menjalani kehidupan di dunia dan dapat mengubah sikap yang buruk kepada yang baik, dan yang baik kepada yang lebih baik.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



AZMI ROHANI, LUKMAN
ABU BAKAR, WAHID
RAZZALY, SITI
SARAWATI JOHAR

Pena Jauhar Siri 2


Johor : Penerbit UTHM,
UTHM, 2019

ISBN: 9789672216872

Penghasilan penulisan Pena Jauhar ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman penulis melalui pelaksanaan polisi serta komitmen dalam pembangunan negeri. Usaha menghasilkan Pena Jauhar, ini juga membantu meningkatkan kemahiran penulisan ilmiah dalam kalangan Pegawai Tadbir Negeri Johor dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Jelas sekali usaha ini adalah pemangkin progresif dalam menyuburkan budaya Penyerapan Pengetahuan (Knowledge Capture) dan Perkongsian Pengetahuan (Knowledge Sharing) bagi faedah pembangunan negeri Johor secara optimum dengan visi Gagasan Johor Berkemajuan pada masa akan datang. Kepakaran penulisan dan penerbitan dalam kalangan ahli akademik UTHM secara tidak langsung akan berupaya membantu dalam menyediakan sebuah karya bermanfaat dan menjadi rujukan semua.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



HASANUDDIN YUSOF

**Menjejak Hubungan
Daulah Uthmaniyah &
Kesultanan Melaka**


Negeri Sembilan : Penerbit
Alami Sdn. Bhd., 2019

ISBN: 9789671679517

Kebanyakan daripada kita hanya mengetahui bahawa kerajaan Islam di Alam Melayu yang paling awal menjalinkan hubungan diplomatik dengan Daulah Uthmaniyah ialah kerajaan Aceh Darussalam. Namun begitu, catatan Portugis menyatakan dengan jelas tentang kehadiran pedagang-pedagang dari Turki Uthmaniyah ke Kota Melaka untuk membeli rempah ratus dari pelabuhan Melaka. Malah, sumber Portugis juga menyatakan bahawa terdapatnya tentera Turki Uthmaniyah dalam angkatan tentera Melaka ketika berlakunya perang antara Portugis dan Melaka pada tahun 1511. Lebih menarik lagi, beberapa penulis Turki dan Arab menukilkan bahawa terdapatnya hubungan langsung antara Sultan Mansur Syah. Penulis telah ke Istanbul selama beberapa minggu khusus untuk melakukan kajian tentang hubungan Kesultanan Melayu Melaka dan Daulah Uthmaniyah. Maka, terhasillah buku ini yang memaparkan fakta-fakta tentang hubungan diplomatik yang terjalin antara Daulah Turki Uthmaniyah dan Kesultanan Melayu Melaka.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



FATIMAH AINI MOHD ALI

FROM TIM'S KITCHEN : My Family's Comfort Food

Kuala Lumpur: Fatimah Aini Mohd Ali, 2019.

ISBN: 9789671727409

Hobi mengumpul dan mencuba pelbagai resipi mendorong penulis untuk membuat satu koleksi resipi kegemaran keluarga beliau. Penulis pada mulanya hanya ingin berkongsi resipi ini dengan keluarga dan anak-anak sahaja tetapi atas pujukan rakan-rakan, maka terhasillah *From Tim's Kitchen*. Masakan yang indah itu hanyalah pada rupa sahaja, yang menambat perut kita semua adalah pada rasa. Air tangan dan hati yang ikhlas penuh dengan kasih sayang mampu menghasilkan makanan yang enak. Pelbagai jenis resipi masakan keluarga dari jenis masakan tradisi Melayu sehingga ke masakan barat telah dikongsikan di dalam buku ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ABDULLAH HASSAN &
AINON MOHD.

**Seni Bercakap – Cakap &
Berbual - Bual**


Batu Caves, Selangor: PTS
Publishing, 2019.

ISBN: 9789674812294

Setiap orang mempunyai kemahiran bercakap dan berbual yang tersendiri mengikut keselesaan masing-masing. Buku ini telah mengetengahkan dengan kemahiran ini, seseorang individu boleh menjadi popular, disukai ramai serta disanjungi. Penulis buku ini menekankan cara berkomunikasi dengan baik berdasarkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, ia mestilah dipelajari, sebagaimana kita mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan lain. Percakapan dan perbualan yang bermutu tinggi dapat mengubah hubungan dua (2) orang yang pada asalnya asing antara satu sama lain, yang kemudiannya boleh menjadi sangat rapat. Sebagai manusia kita perlu bercakap-cakap dan berbual-bual kerana kita memerlukan rangsangan sentuhan, belaian, emosi dan otak. Kemahiran bercakap-cakap, berbual-bual, memuji, menghibur dan bergurau sangat diperlukan bagi membangkitkan ransangan itu. Buku ini ditulis dengan bahasa yang mudah dibaca dan difahami oleh semua lapisan masyarakat.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DR. HANI MYNIS

Urus Rumah with Hani

Batu Caves, Selangor:
Puteh Press., 2019

ISBN: 9789673694150

Buku ini sangat bagus untuk bacaan semua lapisan masyarakat kerana penulis banyak berkongsikan kepelbagai teknik dalam pengurusan rumah seperti dalam menguruskan menu, membersihkan rumah dan merancang kewangan keluarga. Semua perkara itu jika tidak dilaksanakan dengan betul boleh menambah tekanan dan akhirnya mampu merosakkan hubungan kekeluargaan. Semua masalah boleh dielakkan jika kita mengetahui teknik pengurusan rumah yang efektif dan sistematik. Dalam buku ini, penulis menyatakan bahawa pembaca akan mempelajari sistem pengurusan rumah yang meliputi tiga (3) bahagian utama iaitu pengurusan makanan, pembersihan rumah dan pengurusan kewangan keluarga. Buku ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam menguruskan rumah agar pengurusan rumah kita lebih teratur dan sistematik.

SINOPSIS BUKU



DR. MUHAMAD
AFZAMINAN ARIPIN, DR.
NORLIAH KUDUS & DR.
MAHADI ABU HASSAN

Buli di Tempat Kerja?

Melaka: Penerbit UTeM
Press., 2019

ISBN: 9789672145554

Buku ini membincarakan mengenai kes buli di tempat kerja yang banyak berlaku dari alam persekolahan hingga ke alam pekerjaan. Penulisan buku ini antara lain cuba membawa pembaca mengenal konsep umum kejadian buli di tempat kerja, kesan daripada tindakan membuli serta langkah-langkah menghadapinya. Di era kemajuan teknologi komunikasi hari ini, gejala buli yang lahir dalam bentuk fizikal juga telah beralih ke alam maya dengan corak yang lebih menakutkan. Buku ini juga mengupas isu buli siber yang merangkumi pelbagai medium. Buku ini diakhiri dengan sudut pandang masyarakat dan agama terhadap kes-kes pembulian. Penulis mengupas isu buli dengan menyertakan fakta, rujukan, panduan dan karikatur bagi menguatkan lagi fakta yang dibincangkan. Buku ini dapat memberi manfaat kepada pembaca dalam pelbagai peringkat serta lapangan pekerjaan bagi merealisasikan impian dalam membina suasana kerja yang lebih harmoni.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DR. MASZLEE MALIK,
NURUL IZZAH ANWAR,
HASRIZAL ABDUL JAMIL &
HILAL ASYRAF

Risalah #Malaysia Membaca

Kajang, Selangor: Jejak
Tarbiah Publication, 2019

ISBN: 9789671579299

Buku ini menghimpunkan tulisan daripada pelbagai penulis yang merangkumi topik berkaitan galakan membaca dalam kalangan masyarakat. Kempen membaca dengan slogan dan tanda pagar #MalaysiaMembaca telah dipilih dan dipopularkan agar inspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia sentiasa menyelinap dalam sanubari dan denyut nadi masyarakat. Buku ini juga mengandungi program untuk mengisi dan merancakkan Dekad Membaca Kebangsaan. Antara perancangan aktiviti utama yang perlu dilaksanakan ialah program aktiviti membaca kebangsaan, pembangunan prasarana aktiviti membaca, pesta buku, pembangunan pembacaan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak, capaian buku digital atau e-buku, dan pendidikan sepanjang hayat. Hasrat kerajaan untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan masyarakat memerlukan komitmen yang tinggi dan berterusan serta sumber bersepadu yang merentas pelbagai sektor dan segala penggiat literasi di negara ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



KAIZAN NAZLAN

**Budak Kelas Belakang:
Langkahnya Panjang**

Kuala Lumpur: MRZ Circle Empire,
2017

ISBN: 9789671498002

Budak Kelas Belakang merujuk kepada diri seseorang yang dilihat lemah dan kurang diberikan harapan tetapi sebenarnya mempunyai keazaman yang kuat untuk menjadi orang yang hebat dan boleh maju ke hadapan. Buku ini merupakan penulisan yang bertemakan motivasi keusahawanan yang sangat relevan bagi mereka yang bergelar usahawan dan bagi mereka yang sudah ada niat untuk menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, buku ini menjadi santapan minda dan mampu memberi inspirasi kepada ramai orang yang mahu menjadi hebat dengan menjadikan dirinya lebih baik dari semalam. Gaya bahasa buku ini sangat santai dan mudah untuk difahami dan sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

